

SOALAN LAZIM UNIT NAZIRAN

SOALAN

Apakah perbezaan di antara kod pembekal 10001 dan 10009?

JAWAPAN

1. Menyediakan senarai rekod kewangan dan perakaunan yang hendak dimusnahkan (Borang Arkib 4/2008 - Borang Permohonan Bagi Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan).
2. Hantar permohonan ke Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Audit Negara untuk kebenaran / sokongan.
3. Dapatkan sokongan lain daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Audit Dalam Kementerian (jika perlu).
4. Terima surat kebenaran / sokongan daripada agensi / Jabatan di atas (Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Audit Negara).
5. Kemukakan dokumen berikut untuk kelulusan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM):
 - a. Surat permohonan
 - b. Senarai rekod kewangan dan perakaunan yang hendak dimusnahkan (Borang Arkib 4/2008 - Borang Permohonan Bagi Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan).
 - c. Surat kebenaran / sokongan daripada Arkib Negara Malaysia (wajib).
 - d. Surat kebenaran / sokongan daripada Jabatan Audit Negara (wajib).
 - e. Surat kebenaran / sokongan SPRM dan Audit Dalam Kementerian (jika ada).
6. Terima surat kelulusan daripada JANM. Berdasarkan Piagam Pelanggan Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD), kelulusan mesti diberikan dalam masa 10 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.
7. Laksanakan pemusnahan dokumen kewangan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh surat Arkib Negara Malaysia (sama ada dijual / dibakar / dirincih / ditanam) seperti yang telah ditetapkan melalui surat Kementerian Kewangan rujukan KB557/97/54 Jd.4 (47) bertarikh 3 November 1993.
8. Kembalikan Borang Penentusahan Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan (Borang Arkib 13/08) kepada Arkib Negara Malaysia, Jabatan Audit Negara dan Bahagian Pengurusan Audit Dalam (JANM) dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh pemusnahan dilaksanakan.